

# UMSKAL unggul bolasepak pantai UMS 2014

UB 8-5-2014 A14

LABUAN: Pasukan bola sepak pantai Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Massa Pantai UMS 2014 bagi acara bola sepak pantai.

Skuad UMSKAL menjuarai kedua-dua kategori melalui UMSKAL A dan UMSKAL masing-masing memenangi kategori lelaki dan wanita manakala UMSKAL B menduduki tempat kedua kategori lelaki.

Kejohanan itu diadakan di Out-Door Development Center (ODEC) UMS bermula pukul 8 pagi hingga 5 petang.

Pasukan UMSKAL Lelaki A dibarisi Mohd Fahmie Abdullah,



**PEMAIN** pasukan UMSKAL Lelaki A muncul juara bola sepak pantai UMS 2014.

Muhammad Azreen Adnan, Muhammad Fitry Rahim dan Fahmy Harith Rashid.

Rafiq Malik bersama Abbas Mohd Fadtulah, Mohd Amin Ismail dan Junaidi Mansor mewakili

UMSKAL Lelaki B.

Sementara pemain yang mewakili UMSKAL Wanita ialah Norlailah Awang Budin, Nur Azmiani Ambatang, Jacklinda Jujus dan Fiona Lim Roslan.

Pengarah UMSKAL,

Prof. Madya Dr. Ismail Ali mengucapkan tahniah kepada ketiga-tiga pasukan itu yang muncul juara keseluruhan sekaligus melonjakkan nama UMSKAL dipersadakan di peringkat UMS.